

## Press Clipping

Port Klang Free Zone

Publication: Harian Minguan  
Pg 29

Date: May 19, 2008

---

# PKFZ, HDC jalin kerjasama buka zon halal

**P**ORT Klang Free Zone Sdn Bhd (PKFZ) menjalin kerjasama dengan Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) bagi membuka Zon Halal pertama di Zon Bebas Pelabuhan Klang membabitkan kawasan seluas 20 hektar serta 60 unit industri.

Pengerusinya, Datin Paduka O C Phang, berkata Zon Halal itu bakal menyediakan ruang industri serta-merta bagi aktiviti pengilangan, pe-

ngeluaran dan komersial produk makanan halal serta bukan makanan untuk tujuan eksport atau import ke pasaran tempatan.

Menurutnya, pusat sehenti itu akan mengendalikan kontrak kepada syarikat pelabur yang menawarkan akses kepada perkhidmatan sijil halal dan latihan, pengauditan dan khidmat rundingan berkaitan perkara halal.

“Kedua-dua pihak juga ber-

setuju memasarkan dan mempromosi zon halal berkenaan kepada pengeluar dan pedagang di peringkat tempatan dan antarabangsa.

“Ia kerjasama berterusan bagi mempromosikan status standard halal Malaysia ke seluruh dunia selain menarik pelaburan asing bagi memajukan industri berkenaan di negara ini,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di Kuala Lumpur baru-baru ini.